

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S96/2024	Membekal Alat Kelengkapan Fotografi Dan Sistem Kapal Udara Tanpa Pemandu "Dron" Untuk Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2024	KKM	010502 / 120502	RM100.00	8 Ogos 2024 Hingga 22 Ogos 2024
MPKj S175/2024	Perkhidmatan Mencetak Untuk Majlis Perbandaran Kajang		221601 / 221602 / 221603 / 221604 / 221606		
MPKj S176/2024	Pembelian Ink, Cartridge, Toner & Alat Tulis Komputer Bil-1/2024				
MPKj S177/2024	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan (Berkala) Dan Pembaikan Perkakasan Komputer Peribadi, Komputer Riba, Pencetak Selama Satu (1) Tahun Dan Tempoh Pilihan Lanjutan Satu (1) Tahun Di Majlis Perbandaran Kajang	KKM (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	210101		

**DOKUMEN MEJA TAWARAN**

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my>.

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **8 OGOS 2024 HINGGA 22 OGOS 2024**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

**TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 22 OGOS 2024 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kajang  
(Peti Sebut Harga/ Tender)  
Tingkat 4  
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan  
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih  
Off Jalan Semenyih  
43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

**LAWATAN TAPAK**

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.